

Keindahan Sabah tarikan utama pelabur

UB 28.01.2012 A2

KOTA KINABALU: Keunikan Sabah sebagai sebuah negeri yang dipenuhi dengan tempat menarik dan mampu menawarkan masa depan yang cerah menjadi tarikan utama bagi syarikat Kumpulan Seagate Global melabur di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Pengerusi yang juga Ketua Pegawai Pelaburannya, Prof William Lawton berkata pihaknya sangat berbesar hati dapat menjalin

kerjasama dengan UMS dan yang pertama seumpamanya di negara ini.

Menurutnya, jalinan kerjasama itu secara tidak langsung membuka peluang kepada pihaknya untuk melaksanakan pembangunan yang terdapat dalam komponen Memorandum Persefahaman (MoU) yang dimeterai kedua-dua pihak.

“Apabila datang di Sabah, kami

dapati ia sebuah tempat yang indah dan UMS juga memiliki kepimpinan serta masa depan yang cerah.

“Justeru, kerjasama ini akan menjadi fokus utama kami,” katanya pada sidang media selepas majlis menandatangani MoU antara UMS dan Kumpulan Seagate Global di sini kelmarin.

William berkata, pihaknya akan membuat pelaburan besar untuk pelaksanaan projek berkenaan.

Namun jelasnya, buat masa sekarang peruntukan untuk pelaksanaannya belum ada lagi dan ia belum dapat ditentukan.

Antara komponen yang terdapat dalam MoU itu termasuklah program perintis inkubator tenaga solar, pembinaan pusat peranginan perkampungan budaya UMS, Loji Tenaga Solar UMS, serta Program Berkembar UMS dan Universiti Tsinghua.

Mengenai cadangan pembinaan loji tenaga solar terbabit, beliau menjelaskan rakan kongsi mereka akan membekalkan teknologi dan peralatan untuk melaksanakan pembangunan berkenaan.

William turut meyakinkan bahawa rakan kongsi mereka juga bersedia untuk membantu menyediakan keperluan untuk UMS, Sabah dan seterusnya di kawasan lain di negara ini.